


bulletin FTMK



edisi 4 Mac 2009 / FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI • UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Selamat Datang Ke
Anjung Tasik
TEL & FAX : 06 - 5534469



CATA KE K
COG FTM
PELA MERLANG DI
'3rd NETWORKING SKILLS COMPETITION 2008'

IAN FTMK
GANU
ING CONTEST
AMERLANG DI
SCO

T
58.5
.B84
2009
a
v4

T58.5 .B84 2009 v4



87516004

1. Dari Meja Pengerusi	3
2. Sekapur Sireh – Dekan FTMK	4
3. Perlantikan Pengurusan FTMK	5
4. Aktiviti Kelab Staf	6
5. FTMK di Terengganu	7
6. The Code 2008 : FTMK Programming Contest	8
7. Pelajar UTeM Cemerlang : 3rd Malaysia CISCO Networking Skills Competition 2008	9
8. Cara Selamat Untuk Membeli Belah Atas Talian	10
9. Integrasi ICT Dalam Bidang Pendidikan	11
10. Apa itu IPv6? IPv6 Satu Tinjauan	13
11. Kursus C++ Untuk Pensyarah FTMK	14
12. Pembelajaran Mobile	14
13. Penerapan Elemen Multimedia dalam Pembelajaran Maya VLab-Chem berasaskan Pendekatan Konteksual	16
14. Rahsia di sebalik IP : 169.254.x.x	18
15. Kursus Pendek: The Needs of IPv6' dapat Sambutan Mengalakkan	20
16. Abstract Writing Guide	21
17. An Overview of Intelligent Transport System	23
18. Ethics : What Can You Borrow From the Internet	24
19. Issues in E-Learning	25
20. KBLexics MyLexics	26
21. Random Room Ambience for Cryptographic Key	28
22. Neuro Fuzzy System	28
23. Some Useful Tips On Computer Work Habits	30
24. Vendor-Based Education (VBE) Approach in the field of ICT/Computer Science	30
25. What is Malware?	32

Kandungan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA PENULISAN &
PENERBITAN FTMK

Penasihat :
 Profesor Dr. Hj Shahrin bin Sahib@Sahibuddin
 Pengerusi :
 Ibrahim bin Ahmad
 Setiausaha :
 Zurina bt Sa'aya
 Ahli Jawatankuasa:
 Farah Nadia bt Azman
 Fauziah bt Kasmin
 Ngo Hea Choon
 Noorazilah bt Mohamed
 Yogan J Kumar
 Zarita bt Kosnin



No. Perolehan mxCH) 40656	No. Panggilan Ti 58.5 -884
Tarikh - 5 MAY 2009	

Dari Meja Pengerusi

Dengan Nama ALLAH yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi ALLAH, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarganya, sahabat-sahabat serta orang-orang yang berjuang di jalan ALLAH s.w.t

Assalamualaikum Wbt

Sekali lagi, Jawatankuasa Penulisan dan Penerbitan FTMK dapat menghasilkan Buletin FTMK Bilangan 4 dengan kandungan yang lebih banyak dan padat. Salah satu daripada tugas sebagai seorang ahli akademik ialah menghasilkan bahan-bahan penulisan berbentuk ilmiah bersandarkan daripada pengetahuan, kajian dan pembacaan.

Penyampaian ilmu dalam bentuk pembacaan sangat mustahak khususnya kepada para pencinta ilmu yang sering mahukan diri mereka sentiasa memerlukan ilmu dalam pelbagai disiplin. Ilmu ini akhirnya nanti akan dimanfaatkan oleh orang lain bagi diperkembangkan agar dapat digunakan sebaik mungkin.

Buletin FTMK ini diterbitkan bagi membantu agar ilmu yang ada dan diperolehi dikembangkan agar ianya dapat dimanfaatkan. Ahli akademik digalakkan menghasilkan penulisan bagi menyampaikan ilmu dalam bentuk yang lain selain daripada pengajaran di bilik kuliah.

Semoga bahan bacaan ini dapat memberikan sesuatu yang sangat berharga untuk kita kongsi bersama.

Saya bagi pihak Jawatankuasa Penulisan dan Penerbitan FTMK mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyumbang-penyumbang bahan ilmiah yang diterbitkan dalam Buletin FTMK Bilangan 4 ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung sehingga terbitan Buletin FTMK ini.

Wasalamualaikum wbt. Terima Kasih

IBRAHIM AHMAD
Pengerusi J/K Penulisan dan Penerbitan.



Dekan FTMK

Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullah dan
Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w serta keluarganya serta para pengikutnya hingga kiamat.

Alhamdulillah, sekali lagi FTMK dapat menerbitkan Buletin FTMK dengan tekad yang berterusan iaitu menyampaikan ilmu dalam pelbagai cara selain daripada pengajaran di bilik kuliah, ceramah serta pembentangan kertas kerja di persidangan. Menyediakan bahan pembacaan ilmiah seperti ini bukanlah suatu perkara yang mudah melainkan para penulisnya mempunyai cukup pengetahuan yang mendalam bagi menyampaikan bahan yang penuh dengan isi dan informasi.

Penghasilan penulisan bukan setakat menyediakan kertas kerja hasil dari kajian yang telah dijalankan tetapi juga merangkumi aspek penghasilan bahan ilmiah seperti artikel, bahan bacaan di akhbar, majalah, buku dan tidak kurang juga di laman-laman web yang tujuannya untuk penyebaran ilmu dan maklumat. Kerja menulis bahan-bahan bacaan ini memerlukan usaha yang bersungguh serta komitmen kerana tidak semua orang mampu menulis walaupun mempunyai ilmu yang banyak.

Teknik penulisan yang baik boleh dipelajari melalui bengkel-bengkel penulisan yang disediakan oleh pihak fakulti dan universiti bagi membantu mempertingkatkan mutu bahan penulisan. Ilmu yang ada di dalam dada perlu disebar untuk melihat ianya diamalkan dan dimanfaatkan disamping ianya memberikan jariah kepada kita di alam akhirat. Teruskan usaha murni anda dalam berkarya.

Sekian dahulu, syabas sekali lagi kepada semua yang terlibat dan bagi mereka yang menyumbangkan hasil penulisan untuk penerbitan Buletin FTMK kali ini, teruskan usaha murni ini. Mudah-mudahan usaha ini membawa manfaat dan berkat kepada kita semua.

Wasalamualaikum wbt. Terima Kasih



Prof Dr. Hj. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Dekan,
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI PERLANTIKAN PENGURUSAN PENTADBIRAN FAKULTI

1) TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK)

1. DR. BURAIRAH BIN HUSSIN

2. ENCIK ABDUL RAZAK BIN HUSSAIN

* Beliau menjadi Timbalan Dekan (Akademik) dari tahun 2006 hingga 2008)



2) KETUA JABATAN KEJURUTERAAN PERISIAN

1. DR AZAH KAMILAH BT DRAMAN@MUDA

2. ENCIK MUHAMMAD SUHAIZAN BIN SULONG

*Menyambung pengajian di peringkat PhD di University of South Australia (UniSA), Australia



3) KETUA JABATAN MEDIA INTERAKTIF

1. DR SYARIFFANOR BINTI HISHAM

2. DR BURAIRAH BIN HUSSIN

*Telah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik) berkuatkuasa 1 Januari 2009



4) KETUA JABATAN SISTEM DAN KOMUNIKASI KOMPUTER

1. DR ABDUL SAMAD BIN SHIBGHATULLAH

2. ENCIK ZULKIFLEE BIN MUSLIM

*Telah tamat tempoh perantikan dan akan cuti belajar (PhD) pada tahun 2009



5) KETUA JABATAN KOMPUTERAN INDUSTRI

1. ENCIK ABDUL SAMAD BIN HASSAN BASARI

2. CIK ZERATUL IZZAH BT MOHD YUSOH

*Menyambung pengajian di peringkat PhD di Queensland University of Technology (QUT), Australia



6) PENYELARAS DIPLOMA & MATEMATIK

1. ENCIK MUHAMMAD HAZIQ LIM BIN ABDULLAH

2. ENCIK MOHAMMAD RADZI BIN MOTSI

*Telah tamat tempoh perantikan dan akan cuti belajar (PhD) pada tahun 2009



7) PENGURUS MAKMAL

1. CIK EMALIANA BT KASMURI

2. PUAN NORHAFEIZAH BT HASSAN

*Telah tamat tempoh perantikan dan akan cuti belajar (PhD) pada tahun 2009



Aktiviti Kelab Staf FTMK 2007/2008

Oleh: Nuridawati Mustafa

BIL	TARIKH	AKTIVITI	KETERANGAN
1	Julai 2007	Penjualan Kot M a k m a l kepada pelajar FTMK	Penjualan kot makmal kepada para pelajar telah dilaksanakan dan sasaran utama pembeli merupakan pelajar Tahun 1. Namun, ianya telah mendapat sambutan yang agak memberansangkan dari pelajar tahun 2 dan 3. Penjualan kot makmal ini telah mencecah kepada RM16,250 iaitu 325 helai telah dijual. Kot makmal ini telah direkabentuk dan diubahsuai oleh ahli JK Kelab Staf iaitu En. Muhammad Haziq Lim
2	3/10/07	Majlis Berbuka Puasa	Satu majlis berbuka puasa telah dilaksanakan pada 3/10/07 yang lalu bertempat di Kafeteria UTeM. Ianya merupakan acara tahunan yang mana satu hari pada bulan ramadhan telah dipilih dan semua staf FTMK akan berkumpul dan berbuka puasa bersama-sama. Pelbagai juadah yang membuka selera telah disediakan antaranya asam pedas, air mata kucing panas dan tidak ketinggalan dadih "suhaizan-azliator".
3	22/3/08	Hari Keluarga FTMK	Bertempat di Ismah Beach Resort, Hari Keluarga FTMK telah dilaksanakan. Ianya telah dihadiri lebih dari 60 staf bersama ahli keluarga yang lain. Setiap jabatan dikehendaki hadir dengan warna tema yang telah ditetapkan. Sebanyak 6 acara dewasa dan 4 acara kanak-kanak telah dipertandingkan. Antaranya, boling pantai, berjalan atas batu bata, lari ikat kaki dan macam-macam lagi. Walaupun cuaca agak panas, namun, sambutan serta kerjasama yang diberikan oleh seluruh warga FTMK begitu mengagumkan. Mana tidaknya, masing-masing cuba untuk mendapatkan hamper serta hadiah cabutan bertuah yang begitu lumayan antaranya basikal, pakej penginapan, fruit juice maker, coffee maker dan macam-macam lagi..
4	Sepanjang tahun	Pengelolaan penjilidan kulit keras laporan PSM	Proses penjilidan PSM dilaksanakan oleh JK Kelab Staf bagi pelajar-pelajar PSM II. Pelajar-pelajar perlu menyediakan 3 jilid tesis yang lengkap dan sempurna serta telah ditandatangani oleh penyelia PSM masing-masing.
5	Sepanjang tahun	Jualan Pantri	Apabila hari menjelang ke petang, perut mula berbunyi. Jika malas untuk keluar minum ataupun sibuk dengan tugas seharian, singgah-singgahlah ke pantri berhampiran anda. Macam-macam makanan ringan disediakan antaranya jajan, minuman 3 in 1 dan maggi ada dijual. Boleh juga untuk mengalas perut sebelum menikmati makan malam bersama keluarga tersayang di rumah.
6	Sepanjang tahun	Kitar semula	Sayangi bumi kita. Berteraskan slogan itu, JK Kelab mengambil inisiatif dengan melaksanakan program kitar semula. Kertas-kertas ujian, latihan pelajar, tugas yang begitu memenuhi ruang bilik anda bolehlah dihantar ke bilik printer yang berhampiran untuk dikitar semula.



PELAN PERANCANGAN STRATEGI
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

31 OKT - 2 NOV 2008

CATATAN PERJALANAN FTMK
KE KUALA TERENGGANU
30 OKTOBER – 2 NOVEMBER 2008

Bengkel Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2008 dan Pelan Perancangan Strategi bagi tahun 2009 kali ini telah diadakan di negeri Terengganu Darul Iman, negeri yang terkenal dengan batik dan keropok lekornya. Terengganu terletak di bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia di mana perjalanan darat menggunakan kederaan seperti bas atau kereta dari Melaka akan mengambil masa lebih kurang 9 hingga 10 jam.

Mamandangkan jarak perjalanan yang agak jauh, peserta bengkel perlu bertolak lebih awal agar dapat sampai ke destinasi tepat pada masanya. Perjalanan bermula pada malam 30 Oktober 2008, jam 10.00 malam. Setelah semalaman berada di dalam bas, peserta bengkel selamat tiba di Masjid Terapung Tengku Tengah Zaharah pada pukul 5.30 pagi untuk solat Subuh dan sarapan pagi di restoran berhampiran dengan masjid. Sebelum daftar masuk ke hotel peserta bengkel sempat menghabiskan masa yang terluang di Masjid Kristal dan Taman Tamadun Islam yang terletak tidak jauh dari bandar Kuala Terengganu iaitu di Pulau Wan Man. Taman Tamadun Islam adalah sebuah taman tema yang dipenuhi dengan replika-replika masjid yang terkenal seluruh dunia seperti Masjidil Haram dan Taj Mahal. Pada petang harinya peserta bengkel juga berpeluang berjalan-jalan makan angin di Pantai Batu Buruk yang tidak jauh dari Hotel penginapan.

Bengkel SKT telah bermula pada tepat pada 8.30 malam 31 Oktober 2008 dan di rasmikan oleh yang berbahagia Dekan FTMK, Prof. Dr Hj Shahrin bin Sahib@Sahibuddin. Pembentangan bagi sesi pertama adalah berkaitan dengan perancangan perpindahan fakulti ke Kampus Bandar atau Kampus Induk yang dicadangkan pada April 2009. Sesi pertama bengkel SKT berakhir pada jam 10.30 malam dan disambung pada keesokan harinya. Sesi bagi hari kedua dipenuhi dengan pembentangan perancangan SKT bagi setiap jabatan dan jawatankuasa fakulti. Semua sesi bengkel tamat pada jam 5.00 petang.

Pada malam 31 Oktober 2008, Kelab Staf FTMK telah menganjurkan "Annual Dinner FTMK". Majlis makan malam tersebut dipenuhi dengan warna warni batik memandangkan tema yang telah ditetapkan adalah batik. Pada malam tersebut juga semua jabatan diwajibkan untuk mengadakan persembahan berkumpulan dan peluang ini diambil sepenuhnya oleh semua staf bagi mengeratkan silaturahim sesama rakan sekerja. Persembahan pada malam itu dimenangi oleh jabatan Sistem dan Komunikasi Komputer (SKK) yang mempersembahkan Dikir Barat Anak Tupai. Tahniah kepada saudara Erman yang berjaya membawa kemenangan kepada jabatan SKK. Selain dari pertandingan persembahan, Kelab staf juga menyediakan hadiah untuk cabutan bertuah dan pakaian tercantik. Pemenang bagi pakaian tercantik pada malam itu adalah Emaliana Kasmuri dan Yogan Jayakumar.

Aktiviti "free and easy" pada hari terakhir di negeri Terengganu memberi peluang kepada peserta bengkel untuk membeli belah di Pasar Payang yang terkenal dengan produk batik dan makanan tradisional negeri Terengganu. Sebelum pulang ke Melaka semua peserta bengkel sempat makan tengahari di Restoran Terapung Puteri yang terletak bersebelahan dengan Pasar Payang. Semua peserta bengkel selamat tiba di Melaka pada jam 10.30 malam.

C0d3 2008: FTMK PROGRAMMING CONTEST

Oleh : Pn. Siti Azirah Asmai

Kumpulan ABC yang dianggotai pelajar-pelajar tahun 2 BITI (Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Kepintaran Buatan) telah memenangi pertandingan pengaturcaraan c0d3 2008 yang dianjurkan oleh Jabatan Komputeran Industri dan Jabatan Kejuruteraan Perisian, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 2 Ogos 2008. Menurut Pengerusi Program c0d3 2008 Pn. Siti Azirah Asmai, semangat kerjasama dalam kumpulan, ketajaman pengetahuan dalam bidang pengaturcaraan dan strategi yang digunakan merupakan aset utama dalam mengharungi cabaran pertandingan ini.

Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Shahrin Sahib @ Sahibuddin selaku Penaung Program menyatakan c0d3 2008 merupakan satu program tahunan fakulti dan bertujuan untuk membudayakan kemahiran pengaturcaraan di kalangan pelajar-pelajar ICT. Di samping itu, program ini juga adalah untuk memupuk semangat daya saing yang sihat dikalangan pelajar. Selain daripada pertandingan pengaturcaraan, sesi ceramah turut diadakan di mana penceramah-penceramah dari industri telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka berkenaan dengan pengaturcaraan dalam industri. C0d3 2008 telah mendapat sambutan menggalakkan dari pelajar-pelajar dan juga mendapat sokongan yang amat baik dari pihak industri. Antara pihak industri yang menyumbang kepada program ini adalah Hewlett Packard (HP), CaddCam Group of Companies, Prestariang Technology, Bahagian K-Ekonomi Jabatan Ketua Menteri Melaka dan BT Frontline.

senarai pemenang

PEMENANG KATEGORI DIPLOMA

Newbies

- i. Hassan B. Abu Bakar (3 DIT)
- ii. Nik Mohd Ridzuan Wan Ibrahim (3 DIT)
- iii. Muhd Amir Fazrie (3 DIT)

PEMENANG KATEGORI TAHUN 2

ABC

- i. Perly Peh Thai Ee (BITI)
- ii. Florance Chong Sook Kuan (BITS)
- iii. Woo Zhi Xuan (BITI)

PEMENANG KATEGORI TAHUN 3

ASL

- i. Shaiful Bakhtiar Bin Rodzman (BITC)
- ii. Loganathan a/l Muniandy (BITS)
- iii. Nor Azlia Bt M. Sapari (BITC)

PEMENANG KATEGORI TAHUN 3

ASL

- i. Shaiful Bakhtiar Bin Rodzman (BITC)
- ii. Loganathan a/l Muniandy (BITS)
- iii. Nor Azlia Bt M. Sapari (BITC)

PEMENANG KESELURUHAN

(seperti nama di atas)

1. ABC
2. ASL
3. Newbies

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Para Jemputan Khas

Dari kiri : Prof Dr. Hj Shahrin bin Sahib, Dekan FTMK, Dr. Abu Hasan bin Ismail, CEO Prestariang, Dato' Prof Dr. Abu bin Abdullah, Mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Encik Syafaat bin Norani, Program Coordinator K-Ekonomi dan Encik Muhammad Suhaizan bin Sulong, Pengarah Program.

Prof. Dr. Shahrin dan Dato' Prof. Dr. Abu bersama pemenang pertama keseluruhan pertandingan pengaturcaraan c0d3 2008, kumpulan ABC.

Pelajar UTeM Cemerlang di 3rd Malaysia CISCO Networking Skills Competition 2008*

Erman Hamid, Nazrulazhar Bahaman



Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah meraih kejayaan yang membanggakan pada 3rd Malaysia Cisco Networking Skills Competition 2008 yang diadakan pada 5 April 2008 bertempat di Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Ianya merupakan pertandingan bersifat komprehensif yang memberikan pengalaman bernilai kepada pelajar dan akademi CCNA.

Pertandingan terbuka kepada semua pelajar Certified Networking Associates 1 (CCNA 1) dan pelajar Cisco Certified Networking Associates 2 (CCNA 2) daripada akademi-akademi CCNA seluruh Malaysia. Pertandingan ini berjaya menarik sebanyak 21 institusi yang melibatkan penyertaan IPTA dan IPTS yang mempunyai akademi CCNA dari seluruh negara. Ianya mendedahkan kepada pelajar cabaran mengkonfigurasi rangkaian melibatkan aspek penentuan dan pemasangan perkakasan, pengalamatan alamat rangkaian, dan penghalaan.

Pertandingan dimulakan dengan Kategori Teori Individu Diploma dan Ijazah. Pada kategori ini setiap peserta dikehendaki menjawab soalan Teori CCNA dan 15 peserta yang mencatat markah tertinggi daripada kedua-dua kategori Diploma dan Ijazah akan layak ke Kategori Keseluruhan Diploma dan Ijazah yang dibuat secara berkumpulan. Mereka yang tidak berjaya pula akan layak menyertai Kategori Packet Tracer yang dijalankan secara individu. FTMK menghantar sejumlah 30 pelajar untuk menyertai pertandingan yang tersebut. Daripada penyertaan tersebut, FTMK telah meraih keputusan yang membanggakan dalam kategori Diploma.

Kumpulan UTeM-Diploma (A) yang terdiri daripada Ahmad Syafiq Juwaini, Muhammad Azizi Zaid, dan Noor Idham Sulaiman telah mendapat tempat kedua bagi Kategori Keseluruhan (Diploma). Kategori ini melibatkan pertandingan penghalaaan rangkaian yang mana peserta diberikan permasalahan berkaitan rangkaian, perkakasan dan perisian. Kumpulan yang dapat menyelesaikan permasalahan tersebut dengan markah terbanyak dikira sebagai pemenang. Ahmad Syafiq Juwaini dan Muhammad Azizi Zaid juga terpilih sebagai pemenang tempat pertama dan kedua bagi Kategori Teori Individu (Diploma). Pelajar FTMK juga mencatatkan keputusan cemerlang bagi Kategori Packet Tracer Individu (Diploma) apabila Abdul Syukur Abdul Halim keluar sebagai Juara dengan Wan Nur Fajrina Wan Azmi meraih tempat kedua.

Tahniah diucapkan kepada yang berjaya. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin dan inspirasi untuk FTMK lebih berjaya dalam Malaysia Cisco Networking Skills Competition akan datang.

Cara selamat untuk membeli belah atas talian

Oleh: Zurina Saaya

Konsep membeli belah atas talian atau 'online shopping' kini menjadi trend di kalangan masyarakat celik IT. Mungkin ramai lagi yang masih belum percaya dengan konsep pembelian melalui Internet ini namun, ia telah membuka satu lagi peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan di Malaysia. Antara laman web yang telah berjaya menggunakan kaedah penjualan secara atas talian ini adalah, www.acme.com.my, www.airasia.com.my, www.lelong.com.my dan banyak lagi. Kelebihan utama beli-belah atas talian ini adalah, pelanggan tidak perlu berada secara fizikal di lokasi penjualan semasa proses pembelian berlaku, ini akan memudahkan pelanggan membuat sesuatu pembelian. Pelanggan boleh membuat pembelian bila-bila masa kerana perniagaan di laman web dan perkhidmatan Internet tidak akan tutup. Pelanggan juga boleh membuat perbandingan harga dengan mudah dan cepat. Selain daripada kelebihan-kelebihan ini antara risiko yang perlu dihadapi oleh pelanggan adalah seperti berikut;

- Barang yang dibeli tidak diterima
- Barang tidak menepati keterangan seperti di laman web
- Kelewatan penghantaran dan masalah pembayaran atas talian
- Perkhidmatan selepas jualan yang tidak memuaskan
- Penyalahgunaan maklumat peribadi seperti nombor kad kredit dan kad debit

Bagi mengatasi masalah yang dinyatakan di atas, berikut adalah beberapa panduan yang boleh diamalkan semasa anda membuat pembelian atas talian.

1. Elakkan daripada menggunakan komputer di kafe siber atau komputer yang dikongsi seperti di perpustakaan atau makmal komputer

Anda digalakkan untuk menggunakan komputer sendiri apabila membuat pembelian atas talian. Ini adalah lebih selamat kerana kadang-kadang maklumat yang anda masukkan dalam sesuatu laman web boleh dibaca semula dengan mengguna fail log. Oleh yang demikian maklumat-maklumat peribadi mungkin boleh dibaca oleh orang lain yang tidak berkenaan seperti nombor kad pengenalan, nombor kad kredit, kata laluan dan kata kunci.

2. Selalu gunakan kad kredit apabila membuat pembayaran

Selalunya perniagaan Internet menawarkan kaedah pembayaran menggunakan kad debit atau kad kredit. Dalam hal ini anda digalakkan untuk membuat pembayaran menggunakan kad kredit berbanding kad debit. Ini kerana, jika anda menjadi mangsa penipuan di laman web, duit di dalam akaun simpanan anda masih ada, dan

selalunya dengan menggunakan kad kredit anda masih lagi dilindungi oleh syarikat kad kredit yang anda gunakan. Selain daripada itu, proses mengesahan identiti dilakukan oleh syarikat kad kredit adalah lebih teliti.

3. Beli daripada laman web yang terkenal dan biasa anda gunakan

Dengan kemudahan dan perkembangan teknologi kini, sesiapa sahaja boleh membina laman web untuk tujuan perniagaan internet. Dalam hal ini anda perlulah sentiasa berhati-hati dengan laman web perniagaan yang anda layari ini kerana ia mungkin hanya ingin mengaut keuntungan secara haram. Untuk memudahkan anda, sentiasalah membuat pembelian dengan syarikat yang terkenal atau yang anda biasa berurusan. Jika anda masih lagi ragu-ragu dengan kewujudan syarikat tertentu anda bolehlah menyasiat latar belakang syarikat dengan menghubungi syarikat tersebut melalui telefon atau dengan bertanya dengan rakan-rakan anda.

4. Elakkan daripada mendedahkan maklumat yang tidak berkaitan

Selalunya, apabila anda ingin membuat pembelian, anda perlu mendaftar sebagai ahli atau sebagainya. Sekiranya maklumat yang diperlukan semasa proses pendaftaran tersebut tidak berkaitan seperti perkerjaan dan gaji bulanan, anda bebas untuk tidak mengisinya. Biasanya, terdapat asterisk (*) pada borang pendaftaran, jika maklumat tersebut perlu isi. Ini kerana kadang-kadang maklumat tersebut tidak berkaitan dengan pembelian anda dan ia mungkin hanya akan digunakan untuk membuat kaji selidik atau sebagai maklumat pemasaran.

5. Semak keterangan produk, harga dan segala maklumat yang berkaitan dengan pembelian anda.

Apabila anda telah membuat pemilihan barang yang ingin anda beli, anda akan dipaparkan dengan keterangan barang yang telah anda pilih, harga, potongan harga jika ada dan sebagainya. Anda perlu semak dengan teliti maklumat tersebut agar tidak berlaku kesilapan seperti bilangan dan harga yang salah dan sebagainya.

6. Cetak bukti pembelian

Anda perlu menyimpan segala bukti pembelian termasuklah setiap transaksi Internet, keterangan produk yang anda beli, resit, salinan emel jika anda pernah berhubung dengan penjual melalui emel. Apabila anda terima penyata kad kredit, pastikan anda periksa untuk memastikan tiada caj-caj yang tidak sepatutnya.

Kesimpulannya, tidak kira sama ada anda membuat pembelian menggunakan kaedah konvensional atau melalui Internet, risikonya tetap ada. Apapun, anda sebagai pelanggan bebas membuat pilihan berdasarkan kemampuan dan kekangan anda.


Integrasi ICT Dalam Bidang Pendidikan

Oleh: Dr Faaizah bt Shahbodin

Perkembangan dan peningkatan penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat, atau 'Information Communication Technology', (ICT) membolehkan pembelajaran secara digital dilaksanakan di kebanyakan sekolah di seluruh Malaysia. Ledakan ICT membawa bersama pendekatan baru dalam penyampaian konsep sesuatu topik pembelajaran di dalam kelas. Menurut Ellington et al. (1993), penggunaan teknologi seperti komputer berupaya meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pendapat ini juga disokong oleh Mohd.Ariff et al. (2006), yang menyatakan bahawa integrasi teknologi dalam proses pembelajaran akan membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran dengan lebih berkesan. Perkembangan teknologi Internet dan teknologi multimedia dapat membantu pelajar meningkatkan tahap pemahaman mereka yang mana terbukti seramai 70% pengguna Internet menggunakan laman web untuk tujuan pembelajaran (Rahmah & Arfah 1999). Megat Aman Zahiri dan Norliah (2005) juga, turut mengatakan bahawa teknologi multimedia dapat memberi kesempatan kepada para pelajar untuk meningkatkan proses pembelajaran mereka. Penggunaan ICT dapat mempelbagaikan persekitaran pembelajaran dan memberi peluang kepada pelajar merasai pengalaman 'hands-on' yang tulen (authentic) (Zumbach et al. 2006). Penggunaan ICT di sekolah tidak hanya menekankan tentang aspek infrastrukturnya sahaja, malah juga tentang kualiti dan keberkesanan perisian kursus yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Perkembangan teknologi ICT dan teknologi multimedia telah banyak mengubah corak pendidikan di negara ini. Dalam usaha negara meningkatkan mutu pendidikan rakyat Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membekal sejumlah 5,809 unit komputer, 261 unit pelayan, dan 1,494 judul perisian kursus berasaskan web melalui projek rintis Sekolah Bestari. Kerajaan juga telah membina makmal komputer di 4,500 buah sekolah yang dilengkapi dengan 99,000 unit komputer menerusi program pengkomputeran dan makmal komputer sekolah. Jika diperhatikan kebelakangan ini, bidang pendidikan di Malaysia telah jauh melangkah ke hadapan dengan menggunakan elemen-elemen ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran. Usaha ini dikuatkan lagi dengan adanya projek 'Multimedia Super Corridor' (MSC) oleh kerajaan Malaysia yang menetapkan 'flagship Smart School' (Sekolah Bestari) sebagai salah satu flagshipnya.

Sekolah Bestari dilengkapi dengan prasarana berkomputer yang membolehkan penggunaan kaedah pembelajaran terkini dijalankan dengan gabungan pelbagai elemen-elemen ICT seperti Internet, CD-ROM, dan aplikasi multimedia. Gabungan pelbagai elemen multimedia menjadikan proses pembelajaran di sekolah menjadi lebih menarik, interaktif dan lebih berkesan. Ini secara tidak langsung menggalakkan pembangun perisian multimedia untuk menghasilkan aplikasi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.



Walaupun terdapat banyak aplikasi multimedia telah dibangunkan untuk tujuan pengajaran, namun satu perkara yang perlu diambil kira ialah bagaimana hendak memastikan aplikasi yang dibangunkan tersebut berkesan di dalam kurikulum pendidikan? Satu kemahiran yang tinggi diperlukan bagi menggabungkan pelbagai elemen multimedia seperti teks, grafik, audio, video, animasi dan interaktiviti ke dalam aplikasi multimedia berbentuk pendidikan. Ini kerana aspek-aspek seperti susunan teks, rekabentuk grafik, penyuntingan audio, teknik persembahan animasi, pemilihan warna yang sesuai, gaya interaktiviti dan aspek antara muka pengguna perlu diambil kira dalam membangunkan sesebuah produk multimedia. Sebagai contoh, sekiranya CD pembelajaran untuk peringkat sekolah rendah dibuat dengan persembahan yang terlalu serius tanpa menggunakan elemen-elemen yang disukai oleh kanak-kanak, sudah tentu CD tersebut gagal menarik minat pelajar semasa pembelajaran. Seorang pembangun atau perekabentuk multimedia harus bijak dalam merancang pembangunan produk berbentuk multimedia. Penggunaan teknologi multimedia di dalam bidang pendidikan seharusnya tidak mendominasi kurikulum sedia ada, tetapi ianya patut dijadikan sebagai bahan tambahan bagi membantu memperkukuhkan lagi kurikulum yang sedia ada.

Bagi tujuan membangunkan sesebuah aplikasi multimedia berbentuk pendidikan, terdapat beberapa pihak yang perlu terlibat dalam proses pembangunannya. Pertamanya, 'Subject Matter Expert' (SME) diperlukan untuk menghasilkan silibus keseluruhan sesuatu subjek dan SME akan menjadi pakar rujuk bagi subjek tersebut sepanjang proses pembangunan aplikasi tersebut. Keduanya, 'Instructional Designer' (ID) diperlukan bertujuan untuk mengolah silibus yang telah dihasilkan oleh SME tadi kepada sesuatu yang berguna di dalam format multimedia. ID akan menyusun secara kreatif topik pembelajaran dan isi kandungannya. Pada tahap ini, ID akan menentukan bagaimana isi kandungan sesebuah subjek akan diatur dan dipersembahkan di dalam aplikasi multimedia nanti. ID juga berperanan untuk memastikan reka bentuk dan susun atur aplikasi memenuhi sesebuah pedagogi pembelajaran yang ingin diterapkan dalam aplikasi multimedia. Sebagai contoh, pembelajaran berasaskan masalah atau lebih dikenali sebagai 'Problem Based Learning' (PBL), merupakan pedagogi yang semakin popular dan banyak digunakan di dalam institusi pendidikan dalam negara dan luar negara. Sekiranya pedagogi PBL dipilih dalam pembangunan aplikasi multimedia yang dibangunkan, penyusunan dan hirarki pembelajaran perlu bermula dengan persembahan senario masalah yang akan menjadi pencetus (trigger) kepada proses pembelajaran. Ketiganya, Pereka Bentuk (GD) diperlukan untuk mereka bentuk aplikasi dari segi persembahan multimedia. Kebiasaannya, ID akan berbincang dengan SME, pereka bentuk grafik, dan pembangun aplikasi untuk melengkapkan proses pembangunan dan menyiapkan aplikasi tersebut.

Pelbagai jenis perisian diperlukan untuk tujuan pembangunan aplikasi multimedia seperti perisian grafik, audio, video, animasi dan perisian pengurangan. Sebagai contoh, bagi perisian pengurangan, Macromedia Authorware, Macromedia Director, Macromedia Flash, Asymetrix ToolBook, dan Multimedia Toolbook merupakan perisian yang lazimnya digunakan. Di samping itu, beberapa peranti perkakasan multimedia juga diperlukan untuk tujuan pembangunan seperti kamera digital, 'recorder', 'speaker', 'audio mixer', mesin pengimbas dan sebagainya. Setelah siap aplikasi perlu diuji mengikut beberapa peringkat pengujian dan akhirnya setelah selesai pengeditan, aplikasi multimedia tersebut sedia untuk dipasarkan.





APA ITU IPV6 ?

Nazrulazhar Bahaman Dan Erman Hamid

IPv6 ialah singkatan bagi 'Internet Protocol Version 6' dan juga dikenali sebagai IPng (Internet Protocol Next Generation). Ia merupakan protokol internet generasi baru yang dibangunkan oleh IETF (The Internet Engineering Task force) bagi menggantikan internet protokol IPv4 (Internet Protocol version 4) yang telah digunakan sehingga ke hari ini yang mana usianya menjangkau 20 tahun. Emm.. agak lama tu .

Perubahan ini berlaku kerana IPv4 yang menampung dalam lingkungan kira-kira 4.3 billion alamat kini telah hampir menemui titik akhir daripada kemampuannya. Alasan utama untuk mengganti IPv4 adalah kerana keterbatasan daripada panjang alamatnya yang hanya 32 bit saja serta tidak mampu memenuhi sepenuhnya kehendak proses penghantaran data, penghalaan yang fleksibel mahupun pengaturan lalu lintas data.

Perubahan terbesar yang dilakukan pada IPv6 adalah keluasan alamat IP dari 32 bit kepada IPv6 menjadi 128 bit. 128 bit ini adalah ruang alamat yang berkesinambungan dan konsep asal IPv4 iaitu "kelas" dimansuhkan. Selain itu juga dilakukan perubahan ke atas cara penulisan IP address. Jika pada IPv4, 32 bit dibahagi menjadi 4 oktet dan masing-masing 8 bit dipisahkan dengan "." (dot) dan dituliskan dengan angka perduaan (decimal), maka pada IPv6, 128 bit tersebut dipisahkan menjadi masing-masing 16 bit yang tiap bahagian dipisahkan dengan ":" (semi colon) dan dituliskan dengan perenambelasan (hexadecimal). Selain itu diperkenalkan juga struktur bertingkat agar pengurusan penghalaan menjadi lebih mudah. Pada CIDR (Classless Interdomain Routing) jadual penghalaan diperkecil dengan menggabungkan menjadi satu informasi penghalaan untuk sesebuah organisasi.

IPv6 ini mempunyai kapasiti alamat yang amat besar iaitu empat kali lebih besar dari IPv4 ini, mampu menyusun alamat secara teratur, yang membolehkan Internet terus berkembang dan menyediakan kemampuan cara penghalaan yang baru dan tidak terdapat pada IPv4. Jika pengiraan dibuat, IPv4 yang memiliki 32 bit akan mempunyai 232 bersamaan 4,294,967,296 alamat manakala IPv6 yang memiliki 128 bit akan mempunyai 2¹²⁸ bersamaan 340,282,366,920,938,463,463,374,607,431,768,211,456 alamat. Daripada fakta ini apa yang lebih menarik ialah jika dibandingkan dengan keluasan bumi maka setiap 1 meter persegi bumi ini akan mempunyai lebih kurang 6.5x10²³ alamat. WOW!!...

IPv6 juga memiliki jenis alamat 'anycast' yang dapat digunakan untuk pemilihan halaman secara efisien. Selain itu IPv6 juga dilengkapi oleh mekanisme penggunaan alamat secara dalaman (intranet) yang memungkinkan terwujudnya instalasi secara 'Plug&Play', serta menyediakan platform bagi cara baru pemakaian Internet, seperti dukungan terhadap aliran data secara 'real-time', 'mobile host', 'end-to-end security', ataupun konfigurasi secara automatik.

Jika anda berminat untuk mendalami IPv6 ini, berbagai informasi boleh dicapai di laman web 6BONE (<http://www.6bone.net>). Terdapat juga beberapa laman web lain seperti <http://www.nav6.usm.my>, <http://www.6ren.net>, <http://www.6tap.net>, <http://www.ipv6.org> dan <http://www.ipv6forum.com>. Selain itu, anda juga boleh mendapatkan informasi tentang IPv6 melalui RFC (Request for Comment).

KURSUS C++ UNTUK PENSYARAH FTMK

Oleh: Fauziah Kasmin

Sebagai sebuah universiti yang berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi, kemahiran dalam bidang teknikal amat diperlukan. Kemahiran teknik pengaturcaraan amatlah penting bagi semua pensyarah FTMK bagi memenuhi tuntutan bebanan kerja yang sepatutnya bagi seorang pensyarah. Penggunaan kemahiran ini sebenarnya membolehkan seseorang pensyarah menyelia pelajar Projek Sarjana Muda dan Projek Diploma dengan lebih berkesan. Kursus ini ditawarkan bagi peringkat asas teknik pengaturcaraan dan akan dikendalikan secara teori dan praktikal. Sasaran peserta adalah semua pensyarah FTMK yang tidak mempunyai asas pengaturcaraan khususnya pensyarah matematik Jabatan Komputeran Industri. Objektif utama kursus ini adalah untuk:

1. Mendedahkan pensyarah dengan pelbagai teknik pengaturcaraan supaya dapat menyediakan mereka menjadi penyelia Projek Sarjana Muda dan Projek Diploma.
2. Menyediakan pensyarah supaya mahir dalam teknik pengaturcaraan dan akhirnya dapat mengajar pelajar subjek teknik pengaturcaraan.

Tarikh kursus yang dijalankan ialah 14 Februari 2008 – 4 April 2008. Masa yang dijalankan ialah sesi kuliah Khamis (2.00 – 4.00 petang) dan sesi makmal Jumaat (3.00 – 5.00 petang) dan bertempat di salah sebuah makmal pengaturcaraan. Manakala tenaga pengajar dan fasilitator Cik Nuridawati Mustafa, Cik Emaliana Kasmuri dan Puan Rosleen Abdul Samad. Diharapkan daripada kursus ini, pendedahan yang menyeluruh berkenaan teknik pengaturcaraan dan kemahiran pengaturcaraan dapat diperolehi oleh para pensyarah.



Pembelajaran Mobile : Pendidikan Terkini Dalam Dunia Global

Ibrahim Ahmad


M-learning bermaksud 'mobile learning' atau bermaksud pembelajaran secara bergerak (mobile - bergerak). Konsep m-learning lahir akibat perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) semasa yang semakin menuju ke arah 'mobility life style'. Ini dapat dilihat corak kehidupan kini yang sentiasa bergerak bagi menempatkan diri secara kompetitif. Tambahan pula pengenalan peranti mudah alih (mobile device) seperti 'personal digital assistant' (PDA), telefon pintar (smart phone) dan komputer riba (laptop) sentiasa mendapat sambutan. Dan teknologi bergerak ini (mobile technology) sentiasa berubah setiap hari hinggan kita tidak mampu mengikutinya.

Konsep m-learning bermula pada Oktober 2001 dengan projek pendidikan di Eropah di bawah program 'Education Area of the Information Society' (IST). Pada awalnya program yang diselenggarakan oleh Learning and Skills Development Agency (LSDA) bertempat di London. Pelbagai pihak di Kesatuan Eropah termasuk universiti dan syarikat komersial menyertai projek berkenaan.

Konsep m-learning adalah sebahagian kecil dari konsep pendidikan elektronik (e-learning) dan kedua-duanya adalah terangkum dalam konsep pendidikan yang telah lama wujud iaitu pendidikan jarak jauh (distance learning atau d-learning).

